



## **LAPORAN KEPUTUSAN KES PENDAKWAAN**

Shim Vun Ngee (OKS) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Sandakan, Sabah bagi pertuduhan di bawah subseksyen 37(3)(e) Akta Bekalan Elektrik 1990 atas kesalahan dengan curang menggunakan elektrik, iaitu memutuskan kabel litar arus fasa biru pada meter milik Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) sehingga menyebabkan meter tersebut tidak dapat merekodkan dengan sempurna penggunahabisan elektrik. Pada 17 Julai 2024, OKS telah mengaku bersalah terhadap pertuduhan berkenaan dan mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM20,000.00, jika gagal bayar enam (6) bulan penjara. OKS telah membayar denda tersebut.